

KAILAN

**NAMA SAINTIFIK: BRASSICA OLERACEA
VAR. ALBOGLABRA**

Kailan adalah sejenis sayuran berdaun hijau yang mengandungi vitamin B,C serta zat-zat seperti kalsium dan besi. Tanaman ini merupakan salah satu daripada jenis sayur-sayuran yang mudah ditanam dan cepat mengeluarkan hasil.

TANAH:

Kailan sesuai ditanam di pelbagai jenis tanah yang kaya dengan bahan organan, mendapat cahaya matahari yang cukup dan mempunyai saliran yang baik.

PENANAMAN:

Penyediaan batas:

- Bajak dan gembur tanah sedalam 15-20cm.
- Saiz batas adalah 1.2m lebar, 7.6m panjang dan 20cm tinggi.
-

Penyediaan Pasu

- Saiz pasu yang sesuai 25 cm diameter dan 25 cm tinggi.



SEMAIAN:

- Biji benih kailan berkeadaan halus dan warna perang kehitaman.
- Biji benih boleh ditabur terus di batas ladang atau disemai terlebih dahulu di tapak semaian.

Semaian terus ke batas:

- Tabur biji benih sama rata di atas batas ladang.
- Anak benih akan bercambah selepas 14 hingga 21 hari.
- Jarak tanaman disyorkan 15 cm x 15 cm
- Siram dua kali sehari.

Semaian terus ke pasu:

- Tabur 2-3 biji benih dalam pasu.
- Anak benih akan bercambah selepas 3-4 hari disemai.
- Siram dua kali sehari.



Cara menyemai dan mengubah biji benih halus

PENJAGAAN:

Letak sungkupan:

- Letak kan rumput kering, jerami kering di permukaan batas.
- Untuk jadikan tanah sentiasa lembap, kawal hakisan dan kawal pertumbuhan rumput.

Menyiram:

- Siram dua kali sehari iaitu pagi dan petang.
- Kailan memerlukan air yang banyak untuk tumbesaran.

Membaja:

- Gaul baja tahi ayam dan letak ke dalam batas sebelum menanam.
- Baja NPK (15:15:15) boleh juga digunakan dan ditabur di antara lorong-lorong pokok.

Siraman Cuka Kayu:

Cuka kayu berfungsi sebagai penghalau serangga, pemulih tanah dan penyubur pokok.

Cara penggunaan:

- Bancuh cuka kayu 1ml : 500ml air
- Sembur di pucuk sehingga ke pangkal pokok dan ke media semaian sebanyak 2 kali seminggu.

MERACUN:

NAMA SERANGGA PEROSAK	SIMPTOM/KEADAAN	KAEDAH KAWALAN
Kutu daun (<i>Aphids sp.</i>)	Kutu ini memakan bahagian bawah daun-daun. Serangan yang teruk mengakibatkan daun berkedut dan kecut, daun gugur, pokok terbanjut dan hasilnya berkurangan.	Sembur bahagian atas dan bawah daun dengan racun seperti Tamaron dengan kadar 0.2% bahan aktif. Semburan dibuat sebanyak 3-4 kali selang dua minggu sekali.
Ulanah/Ulat ratus (<i>Spodoptera litura</i>)	Larvanya memakan daun dan pucuk iaitu polyphagous.	Sembur racun serangga seperti Trichlorophon atau BHC dengan kadar 0.1% bahan aktif.
Lat Plutella (<i>Plutella xylostella</i>)	Ulat memakan epidemis bahagian bawah daun. Daun-daun yang telah diserang menunjukkan lubang-lubang tembus cahaya.	Sembur dengan racun <i>Bacillus thuringiensis</i> (HD-71) serbuk yang dibancuh dengan kadar 50 mg dalam seliter air. Amalkan tanaman giliran dengan tanaman jangka pendek yang lain.
Ulat lombong daun dan batang (<i>leaf and stem miners</i>)	Permukaan-permukaan daun yang diserang akan menghasilkan lingkaran-lingkaran putih kehijauan sementara batang-batang yang diserang akan menjadi kecut dan layu.	Sembur dengan racun serangga seperti Malathion atau Dimethoate dengan kadar 0.1% bahan aktif.

MEMUNGUT HASIL:

- Hasil dipungut selepas 6-7 minggu ditanam.
- Cabut pokok bersama akar dan bersihkan dalam air.
- Anggaran hasil 5,700kg/0.4 ha (1 ekar)



JABATAN
PERTANIAN



Jabatan Pertanian Negeri Perak



Pertanian Perak



myDOA_Perak

JABATAN PERTANIAN NEGERI PERAK

TINGKAT 6, BANGUNAN SERI PERAK, JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,
30000 IPOH PERAK DARUL RIDZUAN.

TELEFON: 05-242 6176/05-254 1999, FAKS: 05-242 6177/05-255 5324

WEBSITE: www.pertanianperak.gov.my